

## **REAKSI MASYARAKAT DUSUN DI KOTA BELUD TERHADAP PENDUDUKAN JEPUN DI BORUNEO KITA (1942-1945)**

*The Reaction of the Dusun Community in Kota Belud Towards Japanese Occupation of Boruneo Kita (1942-1945)*

**JOSIETHA BINTI MIUN<sup>1</sup>**  
**MD SAFFIE ABDUL RAHIM<sup>2</sup>**

<sup>1&2</sup>Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah

E-mel: josiethamiun@gmail.com; pie@ums.edu.my

Tarikh Dihantar: Jun 2020 / Tarikh Diterima: November 2020

### **Abstrak**

Pendudukan Jepun di *Boruneo Kita* berlaku kerana faktor ekonomi dan politik. Pendudukan Jepun pada awalnya mendapat reaksi positif dari penduduk tempatan. Namun, setelah Jepun menduduki *Boruneo Kita*, masyarakat tempatan mula melakukan protes setelah beberapa dasar ekonomi dan politik Jepun dianggap menindas masyarakat setempat. Artikel ini membincangkan reaksi masyarakat Dusun di Kota Belud semasa pendudukan Jepun di *Boruneo Kita* sekitar tahun 1942 hingga 1945. Kajian ini menggunakan sumber lisan melalui temu ramah dengan penduduk tempatan. Selain itu, kaedah penyelidikan perpustakaan yang merujuk kepada dokumen arkib juga dilakukan untuk melengkapkan fakta tentang gerakan anti-Jepun di *Boruneo Kita*. Kajian ini mendapati bahawa masyarakat Dusun di Kota Belud pada awalnya menganggap Jepun melindungi dan membebaskan mereka dari penjajahan Barat. Namun, pentadbiran Jepun yang sering bertindak kejam selain merampas tanaman, mencetuskan penentangan yang membawa kepada gerakan anti-Jepun. Kajian ini penting untuk memberi gambaran yang jelas tentang reaksi masyarakat tempatan terhadap pendudukan Jepun dari perspektif sumber lisan masyarakat Dusun di Kota Belud.

**Kata Kunci:** Reaksi, Dusun, pendudukan Jepun, Kota Belud.

### **Abstract**

*The Japanese occupation of Boruneo Kita occurred due to economic and political factors. The Japanese occupation initially received a positive reaction from the locals. However, after Japan occupied Boruneo Kita, the local community began to protest after some Japanese economic and political policies were considered to oppress the local community. This article discusses the reaction of the Dusun community in Kota Belud during the Japanese occupation of Boruneo Kita around 1942 to 1945. This study uses oral sources through interviews with locals.*

*In addition, library research methods referring to archival documents were also conducted to complement the facts about the anti-Japanese movement in Boruneo Kita. This study found that the Dusun community in Kota Belud initially considered the Japanese to protect and liberate them from Western occupation. However, the Japanese administration, which often acted brutally in addition to confiscating crops, sparked opposition, leading to anti-Japanese movements. This study is important to give a clear picture of the reaction of the local community to the Japanese occupation from the perspective of the oral sources of the Dusun community in Kota Belud.*

**Keywords:** Reaction, Dusun, Japanese occupation, Kota Belud.

## PENDAHULUAN

Imperialisme Jepun di *Boruneo Kita* sekitar tahun 1942 sehingga tahun 1945 secara keseluruhannya dipengaruhi oleh faktor ekonomi dan politik. Hal ini demikian kerana motif utama yang diketengahkan dalam menjajah wilayah ini adalah dengan mengeksploitasi kekayaan hasil bumi seperti hasil minyak dan getah, di samping ingin meluaskan tanah jajahan. Pendudukan Jepun di *Boruneo Kita* bermula dengan pendaratan tentera Jepun di Pulau Labuan dan Membakut pada 1 Januari 1942.<sup>1</sup> Jepun kemudiannya menduduki kawasan Pantai barat yang juga merangkumi kawasan Kota Belud pada 9 Januari 1942. Keseluruhan kawasan *Boruneo Kita* berjaya dikuasai tentera Jepun pada 16 Mei 1942 dan menjadikannya sebahagian daripada '*Dai Nippon*' dan '*The Greather Japan*'.<sup>2</sup> Sepanjang pendudukan Jepun di *Boruneo Kita*, Jepun melaksanakan dasar pemerintahan bercorak ketenteraan.<sup>3</sup> Walaupun begitu, dasar pentadbiran Jepun yang berubah-ubah mengikut kepentingan mereka telah menimbulkan reaksi negatif masyarakat tempatan walaupun pada peringkat awalnya mereka menerima dengan baik kedatangan Jepun ke *Boruneo Kita*. Namun, dasar kekerasan yang pentadbiran Jepun menimbulkan penentangan yang seterusnya mewujudkan gerakan anti-Jepun. Gerakan anti-Jepun di *Boruneo Kita* antaranya perang Gerila Kinabalu, Pasukan Gerila Mustapha dan Pasukan Gerila Sandakan.<sup>4</sup> Gerakan penentangan bukan hanya tertumpu di satu kawasan dan dilakukan oleh satu kelompok etnik tetapi sebenarnya berlaku di hampir seluruh kawasan dan dilakukan oleh pelbagai etnik di *Boruneo Kita*. Persoalannya ialah apakah dasar awal pemerintahan Jepun yang menyebabkan penduduk *Boruneo Kita* dapat menerima dan menganggap Jepun sebagai penyelamat kepada masyarakat Dusun di Kota Belud khususnya dan *Boruneo Kita* keseluruhannya?. Persoalan kedua pula ialah apakah dasar yang menyebabkan masyarakat Dusun di Kota Belud bangkit menentang selepas Jepun menguasai sepenuhnya *Boruneo Kita*? Oleh hal yang demikian,

makalah ini membincangkan reaksi masyarakat Dusun di Kota Belud terhadap pentadbiran Jepun di *Borneo Kita*. Perbincangan memberi fokus kepada dasar-dasar pentadbiran Jepun di Kota Belud dan *Borneo Kita* serta reaksi penentangan dalam kalangan masyarakat Dusun di Kota Belud.

## HASIL PERBINCANGAN

Kota Belud yang terletak di utara kawasan pantai barat Sabah. Daerah Kota Belud mempunyai keluasan 1,385.6 km persegi dan terdiri daripada 168 buah kampung. Kawasan ini dikelilingi oleh daerah lain seperti Tuaran, Kota Marudu dan Ranau. Nama Kota Belud mempunyai maksudnya yang tersendiri. Dalam bahasa Bajau, 'kota' bermaksud 'kubu pertahanan' dan 'belud' adalah 'bukit'.<sup>5</sup> Populasi Kota Belud terdiri dari 32 etnik dan etnik yang dominan adalah seperti Bajau, Iranun, Dusun, dan Murut.<sup>6</sup> Semasa pentadbiran Jepun di *Borneo Kita*, Kota Belud terletak pada wilayah *Seikai Shiu* seperti yang ditunjukkan pada Peta 1.

**Peta 1** Kedudukan daerah semasa pentadbiran Jepun di *Borneo Kita* tahun 1942–1945



Sumber: Diubah suai daripada Evans (2007)

## Dasar Pentadbiran Jepun di *Boruneo Kita*

Jepun melaksanakan pelbagai dasar pentadbiran di *Boruneo Kita* yang merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun, fokus utama dalam kertas kerja ini adalah membincangkan dasar sosiopolitik dan ekonomi pemerintahan Jepun di Kota Belud sahaja. Penduduk di *Boruneo Kita* pada awalnya menunjukkan reaksi positif terhadap imperialisme Jepun.

Kajian lepas tentang imperialisme Jepun di Asia Tenggara mendapati terdapat beberapa dasar atau propaganda Jepun yang berjaya mempengaruhi penduduk Asia Tenggara untuk membebaskan diri daripada cengkaman kuasa penjajah Barat seperti British, Belanda dan Sepanyol. Hakikatnya, Jepun bercita-cita dan memberi keyakinan kepada rakyat Asia Tenggara bahawa mereka mahu membebaskan Asia daripada penjajahan kuasa Barat menerusi propaganda *Asia for Asia People* selain rancangan *Greater Co-prosperity Sphere*.<sup>7</sup> Jepun juga menjanjikan kemerdekaan kepada wilayah di Asia yang diduduki oleh kuasa Barat sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian Abu Talib Ahmad (2007) berkenaan janji kemerdekaan oleh Jepun kepada penduduk Burma jika negara itu berada di bawah kekuasaan mereka.<sup>8</sup> Janji untuk memberikan kemerdekaan ini turut berjaya mempengaruhi beberapa tokoh nasionalis Asia Tenggara seperti Ibrahim Yaakob (Tanah Melayu), Sukarno (Indonesia), Manuel Roxas (Filipina) dan Aung San (Burma) sehingga mereka memberikan kerjasama kepada Jepun.<sup>9</sup>

Walaupun demikian, dalam kes penduduk *Boruneo Kita* termasuklah masyarakat Dusun di Kota Belud tidak dapat dipastikan sama ada mereka terpengaruh dengan propaganda atau janji kemerdekaan yang disebarkan oleh Jepun. Namun, suatu yang jelas ialah masyarakat Borneo Utara tidak menunjukkan sebarang penentangan, malahan memberi kerjasama baik kepada Jepun ketika Jepun mendarat di negeri ini pada tahun 1942. Tambahan pula, arahan daripada Gabenor Singapura yang mengarahkan agar *North Borneo Volunteers Forces* (N.B.V.F.) dan *North Borneo Armed Constabulary* (N.B.A.C) khususnya dan masyarakat setempat keseluruhannya agar tidak menentang ketika Jepun mendarat di *Boruneo Kita* demi menjamin keselamatan mereka.<sup>10</sup> Selain itu, arahan ini juga dilakukan kerana kedua-dua pasukan ini mempunyai keanggotaan dari kalangan penduduk tempatan yang kurang terlatih bagi menghadapi tentera Jepun.<sup>11</sup> Justeru, C.R Smith yang merupakan Gabenor Borneo Utara menyerahkan pentadbiran Borneo Utara kepada Jepun dan pasukan NBVF dan NBAC turut menyerahkan senjata pada 5 Januari 1942 dan dipaksa menandatangani dokumen pengisytiharan pendudukan Jepun di Jesselton yang menyatakan Jepun diberi mandat untuk mentadbir Borneo Utara.<sup>12</sup> Jepun secara rasminya menguasai keseluruhan Borneo Utara setelah mereka menawan Sandakan pada 19 Januari 1942.<sup>13</sup>

## Dasar Pemerintahan Jepun di *Boruneo Kita*

Jepun melaksanakan pentadbiran bercorakkan ketenteraan di *Boruneo Kita* dan menjadikan Kuching di Sarawak sebagai pusat pentadbiran mereka.<sup>14</sup> Sementara bagi pentadbiran di Borneo Utara, wilayah tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Wilayah Pantai Barat (*Seikai Shu*) dan Wilayah Pantai Timur (*Tokai Shu*).<sup>15</sup>


Hubungan antara Jepun dan masyarakat tempatan pada awalnya adalah baik dan saling memerlukan antara satu sama lain. Hal ini bersesuaian dengan dasar awal pendudukan mereka di Asia Tenggara yang mempromosikan *Asia for Asia People* dan *Greater Co-prosperity Sphere*. Justeru, menurut Danny Wong Tze Ken (2010), tentera Jepun menunjukkan disiplin yang baik dan sopan. Malahan, tentera Jepun tidak merampas barangan perniagaan masyarakat tempatan yang berniaga ketika itu. Dalam kes di Jesselton dijelaskan bahawa ketika masyarakat tempatan menjual pelbagai kuih-muih, tentera-tentera Jepun yang berada di sekitar Jesselton bertindak membeli barangan jualan peniaga-peniaga tempatan berkenaan. Menurut beliau lagi, pihak Jepun mengadakan beberapa mesyuarat yang berbeza mengikut kaum dan menghadiri acara yang dianjurkan oleh orang Dusun yang berasal dari Putatan pada 6 Februari 1942.<sup>16</sup>

Walaupun begitu, setelah Jepun memperkenalkan dasar penubuhan pasukan polis *North Borneo Armed Constabulary*, *Kempeitai*, *Civil Police*, *Jikidan* dan *Police Agent*, masyarakat setempat khususnya kaum Dusun mula tidak menyenangi dasar pemerintahan Jepun di *Boruneo Kita*. Hal ini disebabkan pasukan-pasukan yang dilantik ini ada kalanya bertindak keterlaluan sehingga mendatangkan kebencian dalam kalangan masyarakat setempat. *Kempeitai* merupakan pasukan mata-mata tentera Jepun yang tegas dan kejam ditugaskan untuk memastikan peraturan yang diperkenalkan oleh Jepun dipatuhi oleh penduduk.<sup>17</sup> Pasukan ini turut ditugaskan untuk merampas hasil makanan, menyeksa dan menghukum penduduk tempatan.<sup>18</sup> Pasukan *Jikidan* yang juga dikenali sebagai ejen polis bertugas untuk menyebarkan propaganda Jepun. Selain itu, pasukan yang turut dianggotai oleh penduduk tempatan ini diarahkan untuk meronda pada waktu malam bagi mengawal pergerakan kaum Cina yang dianggap sebagai anti-Jepun.

Dalam aspek ekonomi pula, pengenalan dan penggunaan mata wang Jepun adalah dasar baharu yang dipraktikkan oleh Jepun di *Boruneo Kita*. Kerajaan *Gunseibu* memperkenalkan wang yang dikenali sebagai mata wang pisang atau wang kecemasan. Wang ini digunakan untuk membayar gaji buruh yang bekerja di estet. Namun, wang ini dikatakan hampir tidak mempunyai nilai kerana berlakunya lambakan pengeluaran. Keadaan ini sekaligus menyebabkan

urusan jual beli dan urus niaga dengan menggunakan mata wang ini sukar dilaksanakan. Walaupun terdapat mata wang baharu, mata wang *Straits Dollars* masih digunakan. Hal ini dibuktikan menerusi kenyataan Md Saffie Abdul Rahim (2016) dan Nicholas Chung (2005) yang menjelaskan bahawa penggunaan mata wang *Straits Dollars* kekal digunakan sehingga tahun 1943.<sup>19</sup> Mata wang pisang yang diperkenalkan oleh Jepun dapat dilihat pada Foto 1.

**Foto 1** Wang pisang atau wang kecemasan semasa pentadbiran Jepun di Borneo Utara



Sumber: National Library of Australia (Trove), <https://trove.nla.gov.au/picture/result?q=Japan%20invasion%20in%20North%20Borneo%201942>, Diakses pada 10 Julai 2019.

Dalam aspek sosial pula, didapati Jepun memberi layanan yang berbeza kepada komuniti tempatan, Cina dan Eropah di *Boruneo Kita*. Komuniti peniaga Cina yang menetap di bandar utama seperti Sandakan dan Api-Api dipaksa membayar cukai yang tinggi. Menurut Stephens R. Evans, Jepun mengenakan cukai yang tinggi kepada para peniaga Cina disebabkan tindakan mereka menyalurkan bantuan kewangan kepada negara tanah besar China yang ketika itu sedang berperang dengan Jepun. Cukai-cukai yang dikenakan pula berbeza mengikut kawasan. Misalnya, Cina di Kota Kinabalu dipaksa untuk membayar sebanyak \$600,000, manakala Cina di Sandakan dikenakan bayaran sebanyak \$400,000.<sup>20</sup> Terdapat juga komuniti Cina yang terpaksa menukar nama bagi mengelak dikesan dan ditangkap oleh Jepun. Hal ini dinyatakan dalam akhbar *The Star Online* iaitu;

*The Chinese in my hometown of Penampang, near Kota Kinabalu switched to Kadazandusun-sounding name so that the Japanese do not know their actual race.*<sup>21</sup>

Menurut Pangimpit bin Baril pula, Cina merupakan musuh utama Jepun di Borneo Utara dan ramai Cina yang dibunuh oleh pihak Jepun di bandar-bandar utama seperti Jesselton.<sup>22</sup>

Walaupun begitu, tidak semua komuniti Cina dikenakan tindakan. Menurut Nicholas Chung (2005), seorang tentera Jepun yang bernama Kapten Ikeda melawat rumah mereka dan beliau dilengkapi dengan pakaian seragam dan sebilah samurai. Namun, beliau tidak melakukan sebarang tindakan melainkan ingin mengetahui aktiviti mereka. Nicholas Chung turut menyatakan bahawa Kapten Ikeda sering membawa lebih makanan untuk dibawa ke kediaman beliau untuk dimasak.<sup>23</sup>

Komuniti Eropah yang terdiri daripada pegawai, tentera Eropah dan Australia, golongan mubaligh, paderi dan rahib turut diberikan layanan yang buruk oleh Jepun. Semua tahanan termasuklah paderi dan rahib Eropah ditahan dan dipenjara di Kuching.<sup>24</sup> Menurut, Stephen R. Evans, pegawai Eropah, doktor, jurutera dan lain-lain ditangkap dan ditahan. Kaum wanita Eropah pula ditempatkan di St. Francis Convent, manakala kaum lelaki di kem tentera Batu Tiga sebelum dihantar ke Kuching, Sarawak.<sup>25</sup> Herman Luping pula menjelaskan bahawa semua paderi Eropah yang terlibat dengan gerakan atau pemberontakan *Double Ten* turut ditangkap. Contohnya Monsignor Wactel iaitu seorang paderi dari Jerman telah ditangkap dan diseksa oleh tentera Jepun. Menurut beliau lagi, beberapa lagi tentera Eropah di Labuan dikenakan hukuman penggal kepala.<sup>26</sup> Tahanan perang di Sandakan pula dikatakan tidak diberikan makanan yang mencukupi. Malahan, mereka dipaksa berjalan kaki dari Sandakan ke Ranau yang melibatkan jarak sejauh 260 kilometer. Peristiwa tersebut dikenali sebagai *The Death March*.<sup>27</sup>

Pandangan terhadap dasar Jepun ke atas komuniti tempatan pula berbeza-beza. Terdapat pandangan yang menjelaskan bahawa komuniti tempatan dilayan dengan teruk oleh pihak *gunseibu*. Stephens R. Evans (2007) misalnya menjelaskan bahawa kebencian penduduk tempatan terhadap Jepun bermula selepas Jepun menjajah sepenuhnya *Boruneo Kita*. Perkara ini berlaku disebabkan oleh layanan pihak Jepun terhadap komuniti tempatan seperti mencabul dan merogol wanita, menjadikan wanita sebagai hamba, mendisiplinkan komuniti tempatan agar meningkatkan pengeluaran sumber makanan, memaksa untuk menghormati empayar Jepun dan melakukan kekejaman terhadap sesiapa sahaja yang menentang Jepun.<sup>28</sup> Selain itu, tentera Jepun haruslah dipanggil 'Tuan' (sir) dan penduduk tempatan haruslah tunduk dan memberi hormat jika terserempak dengan Jepun. Jika mereka tidak berbuat demikian mereka akan ditampar.<sup>29</sup>

Seperkara lagi yang tidak disukai oleh komuniti tempatan adalah mereka diarahkan untuk memberikan makanan kepada pihak Jepun. Hal ini dijelaskan oleh Stephens R. Evans yang menyatakan salah satu peraturan Jepun yang tidak popular adalah berkenaan dengan permintaan sumber makanan.<sup>30</sup> Hal ini demikian kerana pihak pentadbiran *Seikai-shu* dan *Tokai-shu* mengarahkan penduduk tempatan untuk memberikan 40 peratus daripada hasil tanaman mereka. Etnik Kadazandusun yang kebanyakannya mengusahakan tanaman padi dikatakan menyembunyikan hasil padi di satu tempat penyimpanan khas yang diperbuat daripada kayu di hutan tebal. Walaupun begitu, kebanyakan tempat tersebut ditemui oleh pihak Jepun kerana wujudnya 'mata-mata' dan penduduk yang didapati bersalah akan didenda, dipenjara dan dipukul.<sup>31</sup> Pihak Jepun juga dikatakan mengambil ternakan seperti khinzir dan ayam. Hal ini dijelaskan oleh Ebin Gilingan yang menyatakan bahawa pihak Jepun melakukan rondaan di setiap kampung untuk mendapatkan sumber makanan seperti khinzir dan ayam.<sup>32</sup>

Selain itu, Jepun turut melaksanakan dasar buruh paksa terhadap komuniti tempatan. Ketua Kampung atau Ketua Orang Asli diarahkan untuk mengumpulkan tenaga buruh dalam setiap kampung atau kawasan. Tindakan tersebut dilakukan disebabkan oleh keperluan untuk membina dan membaiki jalan raya dan landasan kapal terbang di beberapa kawasan seperti Kota Kinabalu, Keningau, Ranau, Bingkor, Kudat, Sandakan dan Labuan. Bagi mendapatkan tenaga buruh yang ramai, Jepun melaksanakan dasar yang dikenali sebagai *Forced Labour System*.<sup>33</sup> Menurut Herman Luping pula, terdapat juga buruh tempatan yang diarahkan untuk mengangkut peralatan dan bekalan makanan dari kapal Jepun yang terletak di Jesselton ke Keningau.<sup>34</sup>

Di samping itu, pihak Jepun juga dikatakan bertindak merampas dan menembak ternakan komuniti tempatan. Stephens R. Evans menjelaskan bahawa masyarakat Kadazandusun hanya melihat ternakan mereka seperti lembu, kerbau, khinzir dan kambing ditembak oleh tentera Jepun. Malahan, tanaman kelapa pula ditebang untuk mendapatkan hasil. Masyarakat Murut juga tidak terlepas daripada penindasan Jepun. Senapang yang digunakan untuk memburu dirampas. Jepun juga merampas harta dan menjadikan masyarakat Murut sebagai buruh paksa. Demikian juga komuniti tempatan yang tinggal di pedalaman yang mana mereka turut diarahkan untuk membekalkan bekalan makanan.<sup>35</sup>

### **Reaksi Masyarakat Dusun Kota Belud terhadap Pentadbiran Jepun**

Dasar pentadbiran Jepun sememangnya mendapat reaksi yang pelbagai. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal masyarakat Dusun di Kota Belud dapat menerima dengan baik pendudukan Jepun. Menurut Pangimpit bin



Baril yang hidup ketika era pendudukan Jepun di *Boruneo Kita* menjelaskan bahawa masyarakat Dusun di Kota Belud mendapat perkhabaran tentang niat baik Jepun.<sup>36</sup> Walau bagaimanapun niat baik tersebut berubah apabila tentera-tentera Jepun ini mula bertindak merampas makanan, selain memperkenalkan dasar buruh paksa dalam kalangan etnik Dusun. Situasi ini menyebabkan masyarakat Dusun di Kota Belud mula menentang Jepun.

Berkenaan dengan dasar buruh paksa, masyarakat Dusun di Kota Belud dikatakan diarah untuk membina jalan yang menghala ke Ranau dan jalan dari Tamparuli ke Kota Belud. Pangimpit bin Baril dan Ebin Gilingan menjelaskan bahawa mereka diarahkan untuk membina jalan dengan menggunakan peralatan seperti cangkul.<sup>37</sup> Mereka yang terlibat dikatakan tidak diberikan rehat yang secukupnya dan mereka akan dipukul jika mengambil masa berehat walaupun hanya sebentar. Disebabkan oleh tindakan tersebut, ramai buruh paksa yang lari meninggalkan kawasan pembinaan jalan. Layanan buruk berterusan juga ada kalanya menyebabkan buruh-buruh paksa dari kalangan etnik Dusun hilang sabar dan bertindak balas dengan cara menumbuk dan menampar askar Jepun yang berkawal sebelum melarikan diri. Tempoh masa mereka bekerja adalah sebulan sebelum dibayar gaji sebanyak \$200 dengan menggunakan mata wang pisang Jepun. Walau bagaimanapun, wang tersebut hampir tidak mempunyai nilai kerana hanya dapat membeli dua ekor ayam yang masing-masing berharga \$100.<sup>38</sup>

Buruh-buruh paksa dalam pembinaan jalan ini turut dinyatakan oleh Stephens R. Evans (2007). Dalam kajian Stephens menyatakan bahawa masyarakat yang dikumpulkan oleh Ketua Kampung diarahkan untuk membaiki jalan dan landasan kapal terbang di kawasan seperti Kota Kinabalu, Keningau, Ranau, Kudat, Sandakan dan Labuan.<sup>39</sup> Buyong Adil (2019) pula menyatakan bahawa bumiputera Sabah telah dipaksa oleh Jepun untuk membina jalan dan padang kapal.<sup>40</sup> Sekiranya dibuat perbandingan, dasar ini bukan hanya berlaku di *Boruneo Kita* tetapi juga dilaksanakan di kawasan lain. Abu Talib Ahmad (2007) misalnya menyatakan bahawa ribuan buruh India dipaksa membina jalan kereta api maut Siam-Burma di antara tahun 1942 hingga 1944.<sup>41</sup>

Masyarakat Dusun di Kota Belud turut dikatakan diarahkan untuk menghantar bekalan beras ke Ranau. Sebelum menghantar bekalan tersebut, mereka terlebih dahulu digambar, dicatat nama dan asal mereka. Menurut Pangimpit bin Baril beliau diarahkan untuk membawa beras dari Kota Belud ke Ranau dengan menggunakan dua ekor kerbau. Namun, beliau bersama dengan rakannya telah mencuri dan mengambil beras dan kerbau tersebut ketika dalam perjalanan pada waktu malam. Pihak Jepun mencari beliau tetapi gagal dikesan disebabkan oleh maklumat palsu yang diberikan oleh beliau.

Rampasan sumber makanan yang dilakukan oleh pihak pentadbiran Jepun turut menimbulkan reaksi negatif masyarakat Dusun di Kota Belud. Hal ini berdasarkan kepada kenyataan Pangimpit bin Baril yang menyatakan bahawa;

*"Parai nga pokionuon. Ngoyo ku intangai e doho tangkob dot amu kuno gia kouhu. Kadi gia tulun om nongoi noh ie doho yoh parai ka om koilaa ku nopo tiodi om ngoyo ku noh waalai hilo gouton, rangkato ku noh hilo gouton. Ngoyo ku intangai nga haro poh pinolu ku hopod do karung om naanu no dit turu karung yoh."*<sup>42</sup>

Berdasarkan kepada pernyataan tersebut, berita tentang rampasan makanan yang dilakukan oleh pihak Jepun tersebar dalam kalangan masyarakat tempatan. Malahan, terdapat masyarakat Dusun yang telah dirampas sumber makanannya seperti padi. Disebabkan oleh perkara tersebut beliau bertindak untuk menyembunyikan bekalan padi di pondok yang dibina di hutan. Walaupun demikian, bekalan padi sebanyak tujuh daripada '10 karung' yang ditinggalkan di kediaman beliau telah diambil oleh pihak Jepun. Tindakan Jepun merampas sumber makanan ini turut dinyatakan oleh Stephens R. Evans (2007) yang menyatakan bahawa pihak Jepun menuntut sebanyak 40 peratus hasil padi tetapi disebabkan oleh kewujudan orang tengah, hasil padi dikatakan diambil sehingga 80 peratus.<sup>43</sup> Kenyataan beliau tersebut dilihat tepat dengan kenyataan Pangimpit bin Baril yang mana Jepun merampas 70 peratus daripada hasil padi beliau. Selain itu, peronda Jepun turut dikatakan merampas makanan seperti kelapa. Menurut Pangimpit bin Baril, peronda Jepun telah merampas dua biji buah kelapa yang hendak beliau serahkan kepada isteri beliau dan digunakan sebagai ubat. Kejadian tersebut berlaku di Batu 6 di Ranggalau yang terletak di Jalan Kiulu ke Tamparuli. Walau bagaimanapun, beliau membunuh dua peronda Jepun dengan menggunakan parang.<sup>44</sup> Rampasan makanan turut dijelaskan oleh Ebin Gilingan, terutamanya semasa fasa akhir Jepun mentadbir *Boruneo Kita*. Menurut beliau pihak Jepun meminta ternakan seperti khinzir daripada masyarakat Dusun tanpa sebarang bayaran.<sup>45</sup>

Dasar Jepun terhadap golongan wanita turut menimbulkan reaksi negatif daripada masyarakat Dusun di Kota Belud. Tindakan pihak Jepun yang menculik dan mengambil golongan wanita sesuka hati untuk dijadikan sebagai pelacur menyebabkan ramai di antara mereka tidak mahu keluar ke bandar. Menurut Lampunad bin Gurmonong, ramai yang tidak ke kedai kerana takut diculik oleh pihak Jepun.<sup>46</sup> Hal yang sama juga dinyatakan oleh Pangimpit bin Baril, yang menjelaskan bahawa golongan wanita tidak selesa untuk ke kedai disebabkan oleh tindakan Jepun yang menerkam wanita yang dijumpai dan dijadikan sebagai isteri sementara dan terdapat juga wanita yang dipaksa untuk dijadikan pelacur. Menurut beliau lagi, seorang wanita Cina yang dijadikan pelacur terpaksa melayan lelaki Jepun yang berjumlah lebih daripada 10 orang.

Walaupun bagaimanapun, wanita tersebut tidak dapat bertindak balas terhadap perbuatan tersebut kerana takut dibunuh. Pihak Jepun turut dikatakan menculik dan menjadikan seorang wanita Dusun sebagai pelacur. Namun, wanita tersebut diselamatkan oleh ayah beliau yang menjelaskan bahawa tindakan untuk mengambil anak perempuan sesuka hati adalah bertentangan dengan adat masyarakat Kota Belud. Wanita tersebut kemudiannya dikembalikan tetapi menghadapi trauma kesan daripada perbuatan tentera Jepun yang tidak bertamadun.<sup>47</sup> Terdapat cara lain yang dilakukan oleh masyarakat Dusun di Kota Belud adalah dengan menyembunyikan golongan wanita ke tempat yang tidak diketahui oleh pihak Jepun. Hal ini dinyatakan oleh Kuliem binti Biling yang menyatakan bahawa seorang wanita yang dinamakan sebagai Selia telah disembunyikan. Kemudiannya, Guraman yang merupakan Ketua Kampung dituduh menyembunyikan wanita tersebut. Beliau telah ditangkap oleh beberapa tentera Jepun tetapi telah dibebaskan semula.<sup>48</sup> Jelasnya, tiga dasar yang dilakukan oleh Jepun iaitu buruh paksa, rampasan makanan dan penindasan terhadap golongan wanita dilihat menyebabkan masyarakat Dusun di Kota Belud memberikan reaksi negatif terhadap pentadbiran Jepun. Walaupun begitu, penentangan yang dilakukan adalah secara individu dan bukan berkumpulan. Penentangan dilakukan dengan menggunakan senjata seperti anggota badan dan parang. Taktik yang dilakukan adalah seperti 'serang dan lari' dan berdasarkan kepada keberanian individu.

## **KESIMPULAN**

Masyarakat Dusun di Kota Belud pada awalnya memberikan reaksi positif terhadap kehadiran Jepun. Walau bagaimanapun, dasar pentadbiran Jepun yang dikatakan bersifat kejam terutamanya dalam aspek sosial mewujudkan reaksi negatif dalam kalangan masyarakat Dusun di Kota Belud setelah mengukuhkan kedudukan di *Boruneo Kita*. Dasar sosial Jepun seperti buruh paksa, penindasan terhadap wanita dan rampasan sumber makanan menyebabkan ramai masyarakat tidak menyukai cara pentadbiran pihak Jepun. Pelbagai reaksi yang ditunjukkan oleh masyarakat Dusun di Kota Belud yang dilakukan secara individu. Terdapat individu yang membunuh pihak Jepun yang merampas makanan mereka dan terdapat juga individu yang menyembunyikan makanan untuk mengelakkan diambil oleh pihak Jepun. Masyarakat Dusun Kota Belud yang dikerah sebagai buruh paksa pula dikatakan melarikan diri. Selain itu, terdapat juga individu yang bertindak menyelamatkan anak mereka daripada dijadikan mangsa pelacuran. Oleh itu, dasar pentadbiran yang dilaksanakan oleh pihak Jepun telah memberi reaksi yang negatif terhadap masyarakat Dusun di Kota Belud.

## NOTA

- <sup>1</sup> Danny Wong Tze Ken, *Historical Sabah The War*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2010, hlm. 34.
- <sup>2</sup> Penjelasan lanjut sila lihat E.W. Ellison, "Reconstruction and Development Plan for North Borneo 1948-1955", Jesselton, (tiada tarikh dan tidak diterbitkan).
- <sup>3</sup> Beasley W. G., *Japanese Imperialism 1984-1945*, Oxford: Clarendon Press, 1987, hlm. 85.
- <sup>4</sup> Danny Wong Tze Ken, *Historical Sabah The War*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2010, hlm.117, hlm. 88 dan hlm. 60.
- <sup>5</sup> Laman web rasmi pejabat daerah Kota Belud, <ww2.sabah.gov.my/pd.kb/latarbelakang%daerah.html>, Diakses pada 15 September 2019.
- <sup>6</sup> Utusan Online, <https://www.utusan.com.my/mega/pelancongan/keunikan-kota-belud-1.262180>, Diakses pada 15 September 2019.
- <sup>7</sup> Mohamed Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 2; Subramaniam A/L Raman, *Sejarah Kegiatan Perisikan Jepun dan Tindak Balas British di Borneo Utara Sebelum Perang Dunia Kedua (1884-1941)*, Tesis, Universiti Malaysia Sabah, 2008, hlm. 125.
- <sup>8</sup> Abu Talib Ahmad, *Pendudukan Jepun (1942-1945) dan Asia Tenggara*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2007, hlm. 12; Suzuki Keiji (Bo Mogyoe), *Aung San and the Burma Independence Army, Dalam; Aung San of Burma*, The Hague: Martinus Nijhoff, hlm. 58.
- <sup>9</sup> Abu Talib Ahmad, *Pendudukan Jepun (1942-1945) dan Asia Tenggara...*, 2007, hlm.59.
- <sup>10</sup> Stephen R. Evans, *Sabah Under the Rising Sun Government*, Singapore: Tropical Press, 2007, hlm. 16.
- <sup>11</sup> The Trading with the Enemy Ordinance, 1941- State of North Borneo Official Gazette, 10 Disember 1941, Vol. III, hlm. 309-310.
- <sup>12</sup> Maxwell Hall, *Kinabalu Guerrillas: An Account of the Double Tenth Rising against the Japanese Invaders in North Borneo*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2009, hlm. 4-7.
- <sup>13</sup> Cecilia Leong, *Sabah The First 100 Years*, Kuala Lumpur: Pustaka Wan Yang Muda Sdn. Bhd, 1988, hlm. 170; Mohd. Razdi Abd Hamid, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan Borneo*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, hlm.193; Danny Wong Tze Ken, *Historical Sabah: The War*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2010, hlm. 35.
- <sup>14</sup> Kaur, Amarjit, Hantu and Highway: Transport in Sabah 1881-1963, *Modern Asian Studies*, Vol. 28 No.1 (1-49), 1994, hlm. 1; Harrison, Tom., *The Chinese in North Borneo 1942-1946*, *International Affairs (Royal Institute of International Affairs 1944)*, Vol. 26 No.3 (354-362), 1950, hlm. 355; Md Saffie Abdul Rahim, *100 Tahun Jepun dalam Pembangunan Ekonomi di Sabah 1880-1980*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019, hlm. 107-108.
- <sup>15</sup> Ooi Keat Gin, *The Japanese Occupation of Borneo 1941-1945...*, 2011, hlm. 48; Md Saffie Abdul Rahim, *100 Tahun Jepun Dalam Pembangunan Ekonomi di Sabah 1880-1980...*, 2019, hlm. 106.
- <sup>16</sup> Danny Wong Tze Ken, *Historical Sabah The War*, Kota Kinabalu: Opus Publication, 2010, hlm. 39-40.
- <sup>17</sup> Siti Aidah Haji Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 96; Stephens R. Evans, *Sabah Under The Rising Sun Government...*, 2007, hlm. 39.
- <sup>18</sup> National Archives of Singapore, *The Japanese Occupation 1942-1945, A Pictorial Record of Singapore During the War*, Singapore: Time Editions, 1996, hlm. 99-100.
- <sup>19</sup> Md. Saffie Abdul Rahim, *Imigran Jepun di Sabah: Dampaknya Terhadap Ekonomi, 1880-1980an...*, 2016, hlm. 199; Nicholas Chung, *Under The Borneo Sun A Tawau Story*, Kota Kinabalu: Natural Publications (Borneo), 2005, hlm.35.
- <sup>20</sup> Stephens R. Evans, *Sabah (North Borneo) Under the Raising Sun Government...*, 2007, hlm. 31.
- <sup>21</sup> *The Star Online*, Sabah's Season of Suffering, <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/one-mans-meat/2019/01/19/sabahs-season-of-suffering-the-japanese-occupation-of-north-borneo-may-be-nothing-more-than-ancient/>, 19 Januari 2019, Diakses pada 10 Julai 2019.
- <sup>22</sup> Temu bual bersama Pangimpit bin Daril (101 tahun), pada 6 September 2019, Kampung Gaur, Kota Belud.

- <sup>23</sup> Nicholas Chung, *Under the Borneo Sun A Tawau Story*, Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo), 2005, hlm. 36.
- <sup>24</sup> *Daily Express*, 13 Disember 1992, hlm. 5.
- <sup>25</sup> Stephens R. Evans, *Sabah (North Borneo) Under the Raising Sun Government*, 2007, hlm. 29-30.
- <sup>26</sup> *Daily Express Online*, Japanese Occupation of Sabah Remembered, <<http://www.dailyexpress.com.my/read.cfm?newsid=1534>> 30 March 2015, Diakses pada 10 Julai 2019.
- <sup>27</sup> *Borneo Mail*, 9 Ogos 1995, hlm.7.
- <sup>28</sup> Stephens R. Evans, *Sabah (North Borneo) Under the Raising Sun Government*, 2007, hlm. 29-30.
- <sup>29</sup> *Ibid.*
- <sup>30</sup> *Ibid.*, hlm. 30-31.
- <sup>31</sup> *Ibid.* hlm. 31.
- <sup>32</sup> Temu bual bersama Ebin Gilingan (78 tahun), pada 2 September 2019, Kampung Taginambur, Kota Belud.
- <sup>33</sup> Stephens R. Evans, *Sabah (North Borneo) Under the Raising Sun Government...*, 2007, hlm. 35.
- <sup>34</sup> Kenyataan Herman Luping dalam; *Daily Express*, 8 April 2015.
- <sup>35</sup> Stephens R. Evans, *Sabah (North Borneo) Under the Raising Sun Government...*, 2007, hlm. 37.
- <sup>36</sup> Temu bual bersama Pangimpit bin Daril (101 tahun), pada 6 September 2019, Kampung Gaur, Kota Belud.
- <sup>37</sup> Temu bual bersama Ebin Gilingan (78 tahun), pada 2 September 2019, Kampung Taginambur, Kota Belud.
- <sup>38</sup> Temu bual bersama Pangimpit bin Daril (101 tahun), pada 6 September 2019, Kampung Gaur, Kota Belud.
- <sup>39</sup> Stephens R. Evans, *Sabah (North Borneo) Under the Raising Sun Government...*, 2007, hlm. 36.
- <sup>40</sup> Buyong Adil, *Sejarah Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019, hlm. 41.
- <sup>41</sup> Abu Talib Ahmad, *Pendudukan Jepun (1942-1945) dan Asia Tenggara*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2007, hlm. 33-34.
- <sup>42</sup> Temu bual bersama Pangimpit bin Daril (101 tahun), pada 6 September 2019, Kampung Gaur, Kota Belud.
- <sup>43</sup> Stephens R. Evans, *Sabah (North Borneo) Under the Raising Sun Government...*, 2007, hlm. 31.
- <sup>44</sup> Temu bual bersama Pangimpit bin Daril (101 tahun), pada 6 September 2019, Kampung Gaur, Kota Belud.
- <sup>45</sup> Temu bual bersama Ebin Gilingan (78 tahun), pada 2 September 2019, Kampung Taginambur, Kota Belud.
- <sup>46</sup> Temu bual bersama Lampunad binti Guromong (80 tahun), pada 6 September 2019, Kampung Gaur, Kota Belud.
- <sup>47</sup> Temu bual bersama Pangimpit bin Daril (101 tahun), pada 6 September 2019, Kampung Gaur, Kota Belud.
- <sup>48</sup> Temu bual bersama Kuliam binti Biling (76 tahun), pada 6 September 2019, Kampung Tambatuon, Kota Belud.

## RUJUKAN

- Adil, B. 2019. *Sejarah Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, A. T. 2007. *Pendudukan Jepun (1942-1945) dan Asia Tenggara*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Beasley, W. G. 1987. *Japanese Imperialism 1884-1945*. Oxford: Clarendon Press.
- Chung, N. 2005. *Under the Borneo Sun a Tawau Story*. Kota Kinabalu: Natural Publications (Borneo).
- Ellison, E. W. Tanpa Tahun. *Reconstruction and Development Plan for North Borneo 1948-1955*. Jesselton: Tidak Diterbitkan.
- Evans, S. R. 2007. *Sabah Under the Rising Sun Government*. Singapore: Tropical Press.
- Ooi, K.G 2011. *The Japanese Occupation of Borneo, 1941-1945*. United Kingdom: Taylor & Francis Ltd.

- Hall, M. (2009). *Kinabalu Guerrillas: An Account of the Double Tenth Rising against the Japanese Invaders in North Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publications.
- Hamid, M. R. 2009. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan Borneo*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harrison, T. 1950. The Chinese in North Borneo 1942–1946, International Affairs. *Royal Institute of International Affairs 1944*, Vol. 26, No. 3 (354–362), 355.
- Kaur, A. 1994. Hantu and Highway: Transport in Sabah 1881–1963. *Modern Asian Studies*, Vol. 28 No.1 (1–49).
- Ken, D. W. 2010. *Historical Sabah The War*. Kota Kinabalu: Opus Publication.
- Laman Web Rasmi Pejabat Daerah Kota Belud. (n.d.). Dilyari pada 15 September 2019, daripada <[ww2.sabah.gov.my/pd.kb/latarbelakang%daerah.html](http://ww2.sabah.gov.my/pd.kb/latarbelakang%daerah.html)>
- Leong, C. 1988. *Sabah The First 100 Years*. Kuala Lumpur: Pustaka Wan Yang Muda Sdn. Bhd.
- Lokin, S. A. 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881–1963)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Online, D. E. 30 March, 2015. *Japanese Occupation of Sabah Remembered*. Dilyari pada 10 Julai 2019 daripada Daily Express Online: <<http://www.dailyexpress.com.my/read.cfm?newsid=1534>>
- Online, T. S. 19 January, 2019. *Sabah's Season of Suffering*. Retrieved 2019 Julai, 10, from <<https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/one-mans-meat/2019/01/19/sabahs-season-of-suffering-the-japanese-occupation-of-north-borneo-maybe-nothing-more-than-ancient/>>
- Online, U. (t.t.). *Utusan Online*. Dilyari pada 15 September 2019, daripada Keunikan Pelancongan Kota Belud: <<https://www.utusan.com.my/mega/pelancongan/keunikan-kota-belud-1.262180>>
- Othman, M. I. 1992. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942–1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahim, M. S. 2016. *Imigran Jepun di Sabah: Dampaknya Terhadap Ekonomi, 1880–1980an*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Rahim, M. S. 2019. *100 Tahun Jepun Dalam Pembangunan Ekonomi di Sabah 1880–1980*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raman, S. A. 2008. *Sejarah Kegiatan Perisikan Jepun dan Tindak Balas British di Borneo Utara Sebelum Perang Dunia Kedua (1884–1941)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Singapore, N. A. 1996. *The Japanese Occupation 1942-1945, A Pictorial Record of Singapore During the War*. Singapore: Time Editions.
- The Trading with the Enemy Ordinance. 1941. *State Of North Borneo Official Gazette*, Vol. III, 309–10.

## Sumber Lisan

- Baril, P. B. (6 September 2019). Reaksi Masyarakat Dusun di Kota Belud terhadap Pendudukan Jepun di *Boruneo Kita* . (J. B. Miun, penemu bual)
- Biling, K. B. (6 September 2019). Reaksi Masyarakat Dusun di Kota Belud terhadap Pendudukan Jepun di *Boruneo Kita*. (J. B. Miun, penemu bual)
- Gilingan, E. (2019 September 2019). Reaksi Masyarakat Dusun di Kota Belud terhadap Pendudukan Jepun di *Boruneo Kita* . (J. B. Miun, penemu bual)
- Guromong, L. B. (6 September 2019). Reaksi Masyarakat Dusun di Kota Belud terhadap Pendudukan Jepun di *Boruneo Kita* . (J. B. Miun, penemu bual)